

UUM sedang berusaha memantapkan dan membudayakan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar selaras dengan KPI bagi pensyarah dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN), iaitu setiap pensyarah boleh menggunakan sekurang-kurangnya satu kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL).

Menurut PSPTN, SCL mesti dipraktikkan di IPT untuk melahirkan pelajar minda kelas pertama, untuk menaikkan skor pelajar dalam *generic skill attributes* (My3S *measure*) dan IPT diaudit oleh KPT tentang bilangan pensyarah yang memiliki pengetahuan tentang SCL serta berkemampuan menggunakannya.

Bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran di universiti agar SCL diujarkan (align) dengan hasil pembelajaran, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dan pentaksiran dalam kursus, maka Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) telah mengadakan bengkel *Bengkel Outcome-Based Teaching And Learning: Enhancing Learning Through Constructive Alignment* di Hotel Flamingo, Pulau Pinang pada 15 hingga 18 Jun 2011 yang lalu.

Bengkel ini adalah merupakan bengkel latihan berkaitan SCL kepada pasukan *Champions/College Trainers*. Objektif bengkel ini adalah untuk memberikan ilmu pengetahuan serta latihan kepada mereka yang seterusnya akan mengendalikan siri latihan di peringkat kolej masing-masing.

Pasukan fasilitator yang terlibat mengendalikan bengkel ini adalah Dr. Fauziah Abd. Rahim, Dr. Ruzlan Md. Ali, Dr. Arsaythamby Veloo, Dr. Mohamed Najib Salleh dan Dr. Sahadah Abdullah.

Habis.

Daripada:

Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman

Tel.: 604-9284051/4053/4055/4056/4058

E-Mail: utlc@uum.edu.my

Website : www.utlc.uum.edu.my